

0800

U B310 AAB
MAHATHIR - KENAL

(I)

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- MALAYSIA PERLU MEMBEBAHKAN DIRINYA DARIPADA MENJADI SEBUAH NEGARA +YANG TIDAK DIKENALI+ JIKA IA BERHASRAT BERSAING DENGAN JAYANYA BERSAMA-SAMA JIRAN-JIRANNYA YANG LEBIH TERKENAL, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

+MASALAH MALAYSIA IALAH BAGAIMANA HENDAK MENGATASI PERKARA INI,+ KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN SEMINAR PELABURAN BAGI PARA PELABUR AMERIKA DI SEBUAH HOTEL DI SINI.

BELIAU BERKATA BAHAWA MALAYSIA KURANG DIKENALI KEPADA DUNIA LUAR DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN SEPERTI SINGAPURA, INDONESIA, THAILAND, FILIPINA MALAHAN VIETNAM.

KATANYA, DI KALANGAN MEDIA ANTARABANGSA MALAYSIA MASIH SAMAR-SAMAR DAN RAMAI ORANG TERTANYA-TANYA, +MALAYSIA? DI MANAKAH LETAKNYA?+

MUNGKIN KERANA HAKIKAT IA TIDAK DIKENALI MAKA PELABURAN AS DI SEKTOR PEMBUATAN MALAYSIA BERJUMLAH HANYA AS\$121 JUTA DARIPADA SEGI MODAL BERBAYAR DAN AS\$358 JUTA DARIPADA SEGI ASET TETAP, KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1321MST 06 10 86

0721

R B379 AAB
PEMBETULAN (MEMBETULKAN PARA AKHIR) RRR
MAHATHIR - KENAL 2 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT SATU DARIPADA SEBAB MALAYSIA TIDAK DIKENALI MUNGKIN KERANA IA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA BARU YANG WUJUD +TANPA KEHEBOHAN SEBAGAIMANA YANG BIASANYA BERLAKU TETAPI DENGAN SENYAP-SENYAP HINGGA TIDAK ADA ORANG MENYEDARINYA+.

+TIDAK ADA PERANG YANG BERLARUTAN BAGI PEMBEBASAN KEBANGSAAN ATAU PERANG PROKSI TIMUR-BARAT. DENGAN ITU TIDAKLAH IA TERKENAL SEPERTI VIETNAM.

+KALANGAN WARTAWAN TIDAK SUKAKAN NEGARA YANG TENANG DAN AMAN DAN MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI SEBAGAI PERKEMBANGAN BIASA. DARIPADA SEGI POLITIK JUGA TIDAK BANYAK HENDAK DILAPORKAN MENGENAI MALAYSIA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK MERDEKA, MALAYA DULUNYA DAN MALAYSIA SEKARANG, TELAH DIPERINTAH OLEH GABUNGAN YANG SAMA, PERIKATAN DAN KEMUDIAN BARISAN NASIONAL, YANG MEMENANGI 4/5 MAJORITI DALAM PILHAN RAYA UMUM PADA 3 OGOS.

KEJAYAAN INI TELAH MENAMBAHKAN PERASAAN TIDAK SENANG HATI GOLONGAN WARTAWAN ITU YANG Mencari peristiwa media yang mereka anggap +MEMPUNYAI NILAI BERITA,+ KATANYA. -- LAGI.

1736MST 06 10 86

0810

U B316 AAB
MAHATHIR - KENAL 3 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK BERNIAT MENARIK PERHATIAN DENGAN MENJADI NEGARA YANG TIDAK STABIL ATAU SUKAR DIRAMAL KEDUDUKANNYA.

BELIAU BERKATA MALAYSIA AKAN TERUS MENGEKALKAN KESTABILAN SOSIAL DAN POLITIK SEKARANG OLEH KERANA INI MERUPAKAN KUALITI YANG AKAN MENARIK PELABUR, KHUSUSNYA PELABUR ASING, BAGI MEMBANTU MEMAJUKAN NEGARA SETERUSNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN PARA PELABUR +AKAN JATUH CINTA+ DENGAN MALAYSIA DAN RAKYATNYA YANG PERAMAH SEBAIK SAJA MEREKA BERADA DI SINI DAN AKAN MEMBANTU MENYEBARKAN NAMA NEGARA INI DI KALANGAN RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN MEREKA DI NEGARA MASING-MASING. -- BERNAMA.

1342MST 06 10 86